

Newspaper	Berita Harian
Date	19/5/2011

Idea, kritikan Dr Mahathir masih berbisa

Pembangkok guna pendekatan kasar kecam kerajaan kerana dapat sokongan

Sembang Bersama
CHE DET

IKUTI bahagian kedua temu bual wartawan Berita Harian, Razak Ghows dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad

BARU-BARU ini Tun Dr Mahathir Mohamad dilantik menjadi penaung Bloggers House Malaysia (BHM) kerana popularitinya mengendalikan blog chedet.co.cc.

Menyedari ini trend terbaru dalam usaha berinteraksi dengan rakyat pelbagai lapisan masyarakat, beliau berkata: "Saya fikir pemimpin mesti ikuti perkembangan semasa. Kalau mereka tidak peduli perkembangan yang berlaku di sekitar, mereka akan ketinggalan dan orang tidak sokong tokoh politik yang tidak faham bahasa baru yang digunakan."

Malah bidang politik mungkin kini tidak lengkap tanpa komunikasi alam maya kerana di kebanyakan negara ia terbukti memberi kesan besar sehingga tumbang beberapa kerajaan di Asia Barat.

Di Singapura, pembangkang berjaya merampas lebih banyak kerusi pada pilihan raya umum baru-baru ini juga menerusi pengaruh perhubungan melalui internet.

"Ia berlaku di mana saja termasuk di negara Arab. Orang sudah bijak dan kita tidak boleh feed mereka dengan satu jenis maklumat saja. Mereka akan terima maklumat daripada banyak sumber, jadi pemikiran mereka menjadi lebih luas dan pada masa itu mereka terpaksa pilih, dia nampak banyak pilihan tetapi dia kena pilih. Hendak pilih semua tidak boleh," kata penaung BHM itu.

Nasihatnya kepada blogger ialah jangan melakukan sesuatu yang tidak betul. Jangan berbohong kerana ingin menarik perhatian pembaca kerana akhirnya orang akan tahu juga kita berbohong, lepas itu habislah reputasi kita.

"Justeru, lebih baik blogger atau penulis hanya menumpukan kepada perkara benar. Perkara yang benar pun kalau pandai menulis akan menjadi menarik," tambahnya.

Dalam blognya baru-baru ini, Tun mengemukakan cadangan diwujudkan bandar di kawasan universiti seperti di Oxford dan Cambridge. Idea menarik ini mendapat pelbagai reaksi pembaca.

"Kita dapati dulu macam Oxford dan Cambridge dan juga universiti lain di Eropah, apabila ditubuh universiti ditumpu pada menyampaikan ilmu. Mereka tidak terbahit perdagangan, perniagaan sebab itu dimainkan oleh pihak swasta.

"Apabila mereka melihat satu kumpulan besar ditempatkan di satu tempat, mereka tahu keperluan mereka dan mengadakan perniagaan dan dengan itu tertubuhlah



DR MAHATHIR dikerumuni peserta forum bincangkan nasib rakyat Palestin yang diadakan di Kuala Lumpur.

Puak ekstrem sememangnya sentiasa cuba membangkitkan isu perkauman tetapi yang tidak ekstrem pula tidak berani menentang kerana mereka bukan jenis orang yang aktif. Kaum yang lain mesti jawab dan yang jawab itu kadangkala terdiri daripada orang yang tidak ekstrem. Ini menyebabkan dia tidak boleh jawab dengan hujah yang baik.

bandar universiti. Sekarang kita dapati apabila ditubuhkan universiti, semua dilakukan universiti.

"Semua tinggal di hostel yang dibina universiti termasuk pensyarah. Mereka juga membuka kedai di dalam universiti, buka bank dan semua keperluan penuntut dikongkong universiti. Dengan itu tidak ada peluang untuk sebuah bandar tumbuh dekat dengan universiti. Sebuah bandar amat penting kerana barulah kehidupan penuntut lebih merupakan kehidupan biasa. Kalau tidak, dia terkongkong di dalam universiti saja sampai tidak tahu apa di luar," katanya.

Pendapat Tun kalau ada universiti baru hendak dibuka, mungkin idea ini boleh diketengahkan?

"Universiti kena bagi peluang, jangan bolot semua. Soal aktiviti ekonomi ini, bagi kepada swasta, kalau pun tanah ada di situ, bagi swasta buat, jadi dia tumbuh sebuah bandar dan universiti menjadi pusat pertumbuhan. Sebaliknya sekarang ia tidak menjadi pusat pertumbuhan, kalau kita pergi ke Universiti Utara Malaysia (UUM) kita dapati tidak ada bandar," katanya.

Tun Dr Mahathir juga ditanya tindak-tanduk pihak tertentu yang cuba bermain dengan isu perkauman

sejak akhir-akhir ini.

Katanya, puak ekstrem sememangnya sentiasa cuba membangkitkan isu perkauman tetapi yang tidak ekstrem pula tidak berani menentang kerana mereka bukan jenis orang yang aktif.

Golongan ekstrem, tambah beliau, adalah aktivis dan tidak mahu orang menyatakan yang mereka tidak mengutamakan bangsa sendiri, justeru, timbulah isu perkauman.

"Kaum yang lain mesti jawab dan yang jawab itu kadang-kadang terdiri daripada orang yang tidak ekstrem. Ini menyebabkan dia tidak boleh jawab dengan hujah yang baik. Jika mereka ada pengetahuan dan boleh menangkis serangan itu, mereka perlu lebih aktif, dengan itu akan ada keseimbangan, bukan kecaman yang dibalas dengan kecaman, sebaliknya kecaman dibalas dengan hujah yang boleh menangkis kecaman," katanya.

Selain itu, pihak pembangkang juga kini nampaknya agak cenderung untuk melatah dan bersikap kasar terhadap pemimpin kerajaan. Menurut Tun, ini berlaku kerana mereka nampak kemungkinan boleh menang (pada pilihan raya akan datang) seperti kemenangan di lima negeri termasuk Pulau Pinang.

"Di Pulau Pinang pula mereka begitu berkuasa. Mereka percaya cara ini memang menarik kerana di mana saja, kerajaan dikecam. Jadi mereka berpendapat kalau kerajaan diserang bertubi-tubi, ada kemungkinan mereka boleh menang dan memerintah, jadi tidak hairanlah mereka guna pendekatan yang kasar ini," katanya.

Perkembangan semasa dalam arena politik tanah air kini menunjukkan sokongan golongan tertentu masyarakat Malaysia, terutama Cina terhadap Barisan Nasional agak berkurangan.

Bagi Tun Dr Mahathir, ini berlaku kerana ada golongan tertentu, khususnya Cina yang mementingkan perniagaan dan perusahaan. Jika mereka nampak peluang mereka meraih kekayaan agak berkurangan, tidak mustahil mereka akan menolak parti memerintah.

"Apabila ada pihak membangkitkan isu kaum, mereka akan tertarik. Namun, kalau kerajaan bijak membangunkan ekonomi dan mengagihkannya kepada mereka serta kaum lain, saya fikir mereka akan sokong.

"Saya pernah melalui pengalaman sama. Ketika dilantik Timbalan Perdana Menteri, orang Cina takut kepada saya kerana saya dikenali sebagai 'Malay Ultra'.

"Tetapi akhirnya mereka sokong saya dengan cukup kuat, lebih kuat daripada orang Melayu pada 1999 kerana kita membangunkan negara, kita menjaga kepentingan Melayu dan juga menjaga kepentingan orang Cina," katanya.

Sehubungan itu, bekas Perdana Menteri juga ingin mengingatkan semua pihak kerajaan tidak mengabaikan mana-mana kaum kerana ini negara majmuk dan adalah menjadi tanggungjawab kerajaan

untuk menjaga semua rakyat.

"Kalau kita tidak beri pertimbangan kepada semua kaum secara adil, maka negara ini tidak akan menjadi stabil."

Tun Dr Mahathir kini sibuk sebagai Pengerusi Yayasan Keamanan Perdana Global yang memperjuangkan nasib rakyat Palestin di tangan Israel. Kapal kedua Malaysia, *Spirit of Rachel Corrie* berada di perairan antarabangsa dan menghadapi ancaman tentera Zionis. Temu bual ini dibuat sebelum askar Israel melepaskan tembakan amaran terhadap kapal terbabit.

"Kita masih berhajat (untuk memecahkan sekatan di Semanjung Gaza) kerana sekatan ini haram, tidak diizinkan undang-undang antarabangsa. Tetapi Israel berpendapat oleh kerana dia akan disokong, baik buruknya akan disokong oleh kuasa besar seperti Amerika, maka dia boleh cabul segala-galanya dengan sewenang-wenangnya dan tidak takut.

"Kita hendak tunjuk bahawa perbuatan ini salah dan masyarakat antarabangsa, negara mesti hormati undang-undang antarabangsa.

Tun berkata: "Kalau kita hendak buat ikut suka kerana kita kuat, maka huru-hara akan berlaku. Sekarang sebab utama berlaku keganasan bukan kerana Osama bin Laden, kalau bunuh dia pun."

Katanya, masalah yang masih wujud adalah soal Palestin yang tanah mereka bukan saja diberi kepada Yahudi tetapi Israel menguasai tanah yang diberikan dan membina kawasan pendudukan di mana saja yang disukainya.

"Dia buat ikut suka kerana Amerika sokong. Oleh itu, kita hendak tunjuk walaupun Amerika sokong dia, perbuatan ini adalah salah," katanya.